

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(V)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

3. Adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempunyai rancangan untuk menyertai *Low Carbon City Initiatives* (LCCI) ?
 - (a) Apakah projek-projek yang dilaksanakan bagi tujuan akreditasi LCCI ini?.

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempunyai perancangan untuk menyertai *Low Carbon City Initiatives* (LCCI) dan pada masa yang sama sedang melaksanakan projek-projek khusus ke arah tujuan tersebut.
 - (a) Projek-projek yang telah dilaksanakan ke arah akreditasi LCCI adalah seperti berikut:-
 - (i) Projek menggantikan semua lampu jalan jenis *High Pressure Sodium Vapour* (HPSV) di kawasan Pulau kepada lampu jalan jenis *Light Emitted Diode* (LED). Projek ini, dijangka dapat menjimatkan 57% penggunaan tenaga elektrik di samping pengurangan karbon sebanyak 2,264 ton setahun;

- (ii) Membuat ketetapan supaya semua bangunan yang dimiliki oleh MBPP mesti mencapai Pensijilan *Green Building Index (GBI)* apabila kerja-kerja naik taraf dijalankan ke atas bangunan tersebut. Sehingga kini, MBPP telah memiliki beberapa bangunan yang mencapai pensijilan GBI seperti Pasar Chowrasta, SPICE Arena dan Kompleks Sukan Bandaraya Relau;
- (iii) Memperkasakan penggunaan basikal dalam bandar dengan menyediakan kemudahan-kemudahan berikut:-
 - (a) Perkhidmatan *Link Bike* dengan kapasiti 250 basikal di 29 stesen; dan
 - (b) Menaik taraf lorong belakang dari Jalan Magazine ke Jalan Gurdwara, Jalan Armenian, Jalan Keng Kwee dan lain-lain untuk mewujudkan laluan alternatif yang lebih selamat kepada penunggang basikal.
- (iv) Melaksanakan program penanaman pokok teduhan dan lanskap bagi tujuan menyerap karbon dan menghijaukan bandar. Sebanyak 6,693 pokok telah ditanam oleh MBPP dari tahun 2008 hingga Jun 2018;
- (v) Mewajibkan pemaju mengemukakan permohonan pelan lanskap untuk kelulusan MBPP bagi setiap kawasan pembangunan termasuk pematuhan syarat penanaman pokok teduhan oleh pihak pemaju. Sebanyak 28,474 pokok telah ditanam oleh pemaju dari tahun 2008 sehingga Jun 2018 di bawah syarat pematuhan pelan lanskap yang ditetapkan MBPP;
- (vi) Kitar semula sisa hijau (*green waste*) dari aktiviti lanskap MBPP untuk dijadikan sungkupan organik pokok-pokok yang juga dapat menyumbang ke arah inisiatif LCCI; dan
- (vii) Mengenal pasti tanah-tanah kosong milik MBPP untuk digunakan sebagai tapak kebun komuniti bersama dengan penduduk setempat.

Selain usaha yang dilaksanakan ke arah inisiatif LCCI, MBPP juga telah mengambil inisiatif menyertai program *Low Carbon City Framework (LCCF)* dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Lokasi pertama inisiatif LCCF sedang dilaksanakan di Tanjung Pinang, Straits Quay.